



MEMO PERHUBUNGAN
BAHAGIAN PENDAKWAAN
JABATAN PEGUAM NEGARA



Kepada	Y.BHG. PEGUAM NEGARA MALAYSIA / PENDAKWA RAYA
Daripada	AHMAD AKRAM BIN GHARIB UNIT KHAS, BAHAGIAN PENDAKWAAN
Perkara	NOTA TAKLIMAT SIASATAN KE ATAS DATO' SERI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
Klasifikasi kesalahan	(i) SEKSYEN 409 KANUN KESEKSAAN (ii) SEKSYEN 16(a)(B) AKTA SPRM 2009 (iii) SEKSYEN 4(1) AMLATFPUAA 2001

Y.Bhg. Tuan,

Dengan hormat dikemukakan Nota Taklimat berkaitan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas Dato' Seri Ahmad Zahid Bin Hamidi (B1) yang merupakan bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

LATAR BELAKANG KES

1. SPRM telah membuka beberapa Kertas Siasatan (IP) ke atas suspek B1. Siasatan telah dijalankan bagi pembuktian kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan, seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 dan seksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001.
2. Saya telah ditaklimatkan oleh pasukan Pegawai Penyiasat (IO) dari SPRM berkenaan hasil siasatan mereka. Nota Taklimat ini disediakan berdasarkan keterangan-keterangan yang telah ditaklimatkan kepada saya.
3. Nota Taklimat ini disediakan sebagaimana diarahkan untuk mendapatkan nasihat dan arahan lanjut daripada Y.Bhg. Tuan.

A. Berkenaan siasatan kesalahan seksyen 409 Kanun Keseksaan

4. Pada 18 Mac 1997, B1 telah menubuhkan sebuah Yayasan yang kemudiannya dikenali dengan nama Yayasan Akalbudi. Yayasan ini bersifat sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan di bawah seksyen 24(1) Akta Syarikat 1965. Menurut M&A Yayasan ini, objektif utama Yayasan ini antara lain adalah untuk menerima dan mentadbir dana bagi membasmi kemiskinan dan menjalankan program-program pembasmian kemiskinan.
5. Yayasan ini mempunyai satu akaun semasa di Affin Bank no. akaun 100950008188. Pada awal penubuhannya, sumber kewangan Yayasan ini adalah semata-mata sumbangan daripada B1 sendiri. Selepas beberapa lama ia ditubuhkan, dana-dana yang diperolehi oleh Yayasan turut datang daripada badan-badan korporat, ahli-ahli perniagaan serta orang-orang persendirian.
6. Pada asalnya, terdapat tiga penandatanganan cek bagi akaun milik Yayasan. Mereka adalah B1 sendiri, A4 dan A5 yang merupakan Pengarah Yayasan. Pada 4 April 2012, terdapat pertukaran pengarah di mana A4 dan A5 telah meletakkan jawatan dan digantikan dengan A7 serta A8. Setiausaha Syarikat yang asal iaitu A6 juga telah ditukar kepada A9 pada tarikh yang sama. Melalui satu Resolusi Pengarah bertarikh 16 April 2012, penandatanganan cek bagi akaun Yayasan tersebut telah ditukar kepada hanya B1 seorang sahaja.
7. B1 telah mengarahkan Setiausaha Eksekutif nya iaitu A10 untuk menguruskan perbelanjaannya termasuk pembayaran melalui akaun Yayasan bagi pihaknya. Untuk tujuan tersebut, A10 telah dibekalkan dengan satu cop (*rubber stamp*) tandatangan B1.
8. Siasatan mendapati B1 telah menggunakan wang daripada akaun milik

9. Pada 16 Mei 2013, B1 telah dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri. Di dalam kapasiti tersebut, B1 dikatakan telah mempengaruhi beberapa keputusan pelantikan kontraktor bagi melaksanakan projek-projek milik agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.
10. Terdapat tiga (3) skop siasatan yang telah dijalankan seperti berikut:
- (i) Pelantikan syarikat Profound Radiance Sdn. Bhd. (PRSB) sebagai pengendali Pusat Hentian Setempat (OSC) permohonan Visa Malaysia di Pakistan dan Nepal;
 - (ii) Pelantikan syarikat Data Sonic Technologies Sdn. Bhd. bagi melaksanakan perolehan pembekalan cip pasport selama 5 tahun atau 12.5 juta cip yang akan dimasukkan ke dalam halaman biodata polycarbonate pasport Malaysia untuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) secara rundingan terus; dan
 - (iii) Membantu syarikat Mastoro Kenny IT Consultant & Services untuk mendapatkan projek-projek MyEG dibawah kendalian Kementerian Dalam Negeri Malaysia.
11. Bagi skop (i) dan (ii) di atas, tiada apa-apa keterangan untuk menunjukkan B1 ada membuat apa-apa keputusan untuk melantik syarikat-syarikat tersebut sebagai pelaksana projek. Keterangan yang ada hanyalah setakat B1 sebagai Menteri pada ketika itu telah mengikut syor yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan sebelum keputusan melantik dibuat secara sebulat suara.
12. Bagi skop (iii) di atas, keterangan A3 menyatakan cek-cek yang diberikan tidak ada kena-mengena dengan projek MyEG tetapi sebaliknya, cek-cek tersebut diberikan atas sebab pemberian derma oleh syarikat-syarikat di bawah kawalannya bagi tujuan amal dan kebajikan. A3 juga menerangkan

RM250,000.00 adalah satu pinjaman yang diebrikan kepada seorang bernama "Dato' Nasaee" dan tiada kena-mengena langsung dengan B1.

C. Bagi siasatan kesalahan seksyen 4(1) AMLATFPUAA

13. Fakta yang ada untuk membuktikan kesalahan di bawah AMLATFPUAA telah dilakukan adalah bergantung kepada keterangan-keterangan bagi kesalahan predikat.

ULASAN KES PENDAKWAAN

14. Berkenaan dengan siasatan bagi kesalahan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan ke atas B1, seksyen 405 Kanun Keseksaan menyatakan seperti berikut:

405. Pecah amanah jenayah.

Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau berse sama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu, atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempumakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan sengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah".

15. Berdasarkan keterangan saksi-saksi yang telah dirakam serta dokumen-dokumen yang telah diperolehi, sebahagian besar sumber kewangan Yayasan Akalbudi adalah datangnya daripada sumbangan B1 sendiri.

16. Perbelanjaan-perbelanjaan peribadi B1 yang menjadi hal-perkara siasatan yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (a) Pembayaran kad kredit Ambank di antara 13 Januari 2014 dan 23 Disember 2014 berjumlah RM537,513.64;
- (b) Pembayaran kad kredit Maybank di antara 19 Februari 2014 dan 29 Oktober 2014 berjumlah RM38,070.49;
- (c) Pembayaran Insurans dan Cukai Jalan kenderaan persendirian B1 di antara 22 Januari 2015 dan 23 September 2015 berjumlah RM107,509.55;
- (d) Pembayaran kad kredit Ambank di antara 27 Januari 2015 dan 21 Ogos 2015 berjumlah RM708,134.47;
- (e) Pembayaran kad kredit Maybank pada 20 Mac 2015 berjumlah RM3,914.84;
- (f) Pengeluaran sejumlah RM17,953,185.21 pada 28 Jun 2015 untuk tujuan pembelian 60% saham dalam Ri-Yaz Asset Sdn. Bhd. bagi pihak anak B1 bernama Dato' Nurulhidayah Binti Ahmad Zahid dan bakinya dilabur ke dalam Deposit Tetap (FD) atas nama Tetuan Lewis & Co.;
- (g) Pembayaran kad kredit American Express Affin Bank pada 9 Julai 2015 berjumlah RM30,635.80;
- (h) Pembayaran kepada TS Consultant & Resources pada 10 Ogos 2015 berjumlah RM100,000.00;
- (i) Pembayaran sumbangan kepada Persatuan Bola Sepak PDRM pada 23 November 2015 berjumlah RM1,300,000.00; dan

(j) Pembayaran kad kredit Ambank Infinite pada 11 Januari 2016 berjumlah RM54,168.99.

17. "Harta" yang menjadi hal-perkara dalam siasatan ini adalah wang di dalam akaun Yayasan Akalbudi. Berdasarkan keterangan yang ada, saya berpendapat pihak pendakwaan boleh membuktikan elemen B1 telah "diamanahkan dengan harta tersebut" dan seterusnya membuktikan elemen B1 telah "menjadikan harta tersebut untuk kegunaannya sendiri".
18. Walau bagaimanapun, saya seterusnya berpendapat bahawa pihak pendakwaan akan mengalami kesukaran untuk meyakinkan Mahkamah kelak untuk membuktikan elemen bahawa B1 telah melakukan perbuatan tersebut "dengan niat curang". Ini adalah kerana tiada keterangan untuk menunjukkan bahawa B1 telah menggunakan wang di dalam akaun Yayasan Akalbudi tersebut dengan membelakangi Ahli Lembaga Pengarah yang lain. Kesemua perbelanjaan tersebut dibuat dengan pengetahuan kesemua mereka. Ini bermakna pihak pendakwaan tidak akan dapat membuktikan wujud *mens rea* pada pihak B1 untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan.
19. Berkenaan dengan siasatan bagi kesalahan di bawah seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 pula, seksyen 16 APRM 2009 menyatakan seperti berikut:

Kesalahan menerima suapan

16. Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain—

- (a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau
- (b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain,

apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab—

(A) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau

(B) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badan awam itu terlibat,

melakukan suatu kesalahan.

20. Keterangan-keterangan yang ada terutamanya keterangan saksi A3 juga menunjukkan kesemua pembayaran melalui cek yang dibuat ke dalam akaun milik firma guaman Tetuan Lewis & Co. tiada apa-apa kaitan dengan B1. Dengan keterangan ini, terdapat jurang dalam fakta kes yang tidak dapat mengaitkan B1 dengan penerimaan cek-cek tersebut. Tanpa kaitan ini, pihak pendakwaan tidak akan dapat membuktikan elemen "menerima suapan".
21. Selanjutnya, saya berpendapat adalah sukar bagi pihak pendakwaan untuk membuktikan elemen "secara rasuah" yang merupakan elemen yang paling penting dalam membuktikan suatu pertuduhan di bawah seksyen 16 Akta SPRM 2009 kerana tiada apa-apa penerimaan yang boleh dibuktikan.
22. Berkenaan dengan siasatan bagi kesalahan di bawah seksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001, memandangkan keterangan yang ada tidak mencukupi untuk membuktikan apa-apa kesalahan predikat ke atas B1, secara langsung pihak pendakwaan tidak akan dapat membuktikan bahawa wang-wang yang dimasukkan ke dalam akaun Tetuan Lewis & Co. tersebut adalah hasil daripada aktiviti haram. Dengan itu, tiada kesalahan penubahan wang haram yang boleh dibuktikan ke atas B1.

ADANGAN

3. Berdasarkan keterangan-keterangan yang ada dan ulasan kes pendakwa yang telah saya nyatakan di atas, saya dengan hormat mencadangkan tiada apa-apa pertuduhan dibuat ke atas B1. Keterangan yang ada tidak mencukupi untuk membuktikan kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 40 Kanun Keseksaan, seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 dan seksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001 telah dilakukan walaupun pada peringkat *prima facie*.
4. Dengan hormat, saya pohon nasihat dan arahan Y.Bhg. Tuan selanjutnya.

ekian, terima kasih.

saya yang menjalankan amanah.



AHMAD AKRAM BIN GHARIB)
Timbalan Pendakwa Raya
Unit Khas, Bahagian Pendakwaan
Majlis Peguam Negara.
7 Oktober 2018